

POLA, SISTEM DAN ESTETIKA FITRAH DALAM PUI SI DARIPADA KUMPULAN PUI SI YANG MENYALA KARYA NORJANNAH MA: SATU KRITIKAN FITRAH

*(Pattern, System and Aesthetics of Fitrah in the Poems of
Norjannah MA in Kumpulan Puisi Yang Menyala: A Fitrah
Criticism)*

Sohaimi Abdul Aziz
soaazz@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia.

Tarikh terbit (published on): 1 Jun 2018

To cite: Sohaimi Abdul Aziz (2018). Pola, sistem dan estetika fitrah dalam puisi daripada *Kumpulan puisi yang menyala karya Norjannah MA: Satu kritikan fitrah*. *Malay Literature* 31(1), 143-167.

Abstrak

Salah satu aspek penting dalam ajaran Islam ialah fitrah. Muslimin diwajibkan mempercayai fitrah sebagai sesuatu yang wujud semenjak azali lagi. Manusia diyakini berpotensi Islam, iaitu mereka diciptakan untuk mengabdikan dirinya kepada Allah. Mereka yang tidak dilahirkan sebagai Muslim seperti Norjannah MA, yang kemudiannya kembali kepada fitrahnya apabila memeluk agama Islam. Penulis yang berstatus muallaf ini melalui proses mengenal dan mendalami agama baharunya. Tujuan kajian dalam makalah ini adalah untuk membincangkan persoalan fitrah yang dilalui oleh Norjannah MA, dan bagaimana persoalan itu disampaikan dalam karyanya yang bertajuk *Kumpulan Puisi Yang Menyala* (2017). Kajian ini menggunakan teori kritikan fitrah yang berasaskan tiga prinsip, iaitu pola, sistem dan estetika fitrah. Hasil kajian ini menunjukkan pola fitrah yang berteraskan akidah menjadi topik penting dalam karya ini. Cinta kepada Allah menjadi pola fitrah yang dominan. Mencari cinta Allah itu tidak mudah dan sistem fitrah menunjukkan bahawa nafsu amarah sering menjadi halangan yang kuat kepada Norjannah.

Dari segi estetika fitrah, pola fitrah dan sistem fitrah yang bincangkan tidak memperlihatkan penyampaian yang puitis. Istilah Arab banyak digunakan sehingga kehadirannya mengganggu ekspresi penulis dan penghayatan pembaca.

Kata kunci: Fitrah, kritikan fitrah, Norjannah MA, *Kumpulan Puisi Yang Menyala*

Abstract

One of the most important aspects of Islamic teachings is nature (fitrah). Muslims are obliged to believe in nature as something that has existed since its creation. Man is believed to have the potential of becoming Muslim, so he is obligated to devote himself to Allah, the Creator. Some people are not born Muslim but later enter into Islam, such as Norjannah MA, who was born a non-muslim but later became a muallaf, a Muslim revert. As a Muslim revert, she most likely goes through the process of understanding her new religion. The purpose of this paper is to examine the return to the fitrah—the original or natural state—as experienced by Norjannah MA herself, and how it is addressed in her work titled Kumpulan Puisi Yang Menyala (2017). This study uses the theory of fitrah criticism, which is based on three principles namely the pattern, system and aesthetics of fitrah, or the natural state. The results of this study show that the love and belief of God (akidah) which burns in her heart becomes a dominant pattern of nature. Seeking God's love is not easy and the natural state (fitrah) shows that anger is often a strong impediment to Norjannah. In comparison to the natural aesthetic, the natural pattern and system discussed are not expressed poetically. Arabic terms are widely used, and their presence interferes with the author's expression, as well as the reader's appreciation of the text.

Keywords: fitrah, fitrah critism, Norjannah M.A., Kumpulan puisi yang menyala

PENDAHULUAN

Manusia dan cinta tidak dapat dipisahkan umpama api dan kepanasan. Ada yang berpendapat bahawa tanpa cinta manusia tidak boleh hidup dengan sempurna. Cinta ialah perasaan halus yang ingin, asyik atau sayang kepada sesuatu sama ada yang abstrak seperti keamanan atau konkrit seperti manusia. Cinta tidak dapat dilihat tetapi dapat dirasa dan ditunjukkan. Cinta itu

mempunyai beberapa sifat seperti indah, sempurna, suci dan benar. Namun begitu, cinta itu dibezakan mengikut statusnya. Cinta kepada manusia berbeza dengan cinta kepada Tuhan. Cinta kepada Tuhan dikatakan cinta yang tertinggi yang boleh dimiliki oleh manusia. Dikatakan bahawa cinta itu wujud semenjak manusia itu dilahirkan. Sungguhpun cinta itu telah ada dalam diri manusia semenjak dilahirkan, cinta itu tidak muncul tanpa apa-apa sebab. Cinta itu berkembang dengan perkembangan persekitaran. Cinta itu kompleks dan tidak mudah hendak dijelaskan dan diselami maknanya.

Cinta *Islami* ialah Din

Persoalan cinta dibincangkan dalam psikologi kerana ada kaitannya dengan kesedaran dan proses mental yang berkaitan dengan perasaan, fikiran, persepsi, ingatan dan perilaku manusia. Cinta boleh diperlihatkan dalam pelbagai bentuk seperti karya sastra, bentuk seperti perlakuan dan penciptaan seperti penciptaan karya sastra seperti puisi. Puisi-puisi daripada *Kumpulan Puisi: Yang Menyala* (2017) karya Norjannah MA memperlihatkan cinta yang bernyala.

Cinta *Islami* menekankan perkembangan personaliti seseorang. Cinta merupakan unsur yang sangat halus yang bertapak dalam psiki manusia dan cinta kepada penciptanya, iaitu Allah merupakan satu fitrah yang dijelaskan oleh psikologi Islam. Cinta kepada Allah merupakan fitrah yang terdapat di satu tempat di dalam diri manusia yang disebutkan sebagai jiwa seperti diajarkan dalam al-Quran dan hadis. Jiwa yang difahami berdasarkan ajaran Islam berbeza dengan pengertian istilah *soul* atau *psyche* dalam psikologi Barat. *Soul* atau *psyche* dalam psikologi Barat tidak membawa dimensi kerohanian. Dalam Islam, cinta *Islami* dikaitkan dengan jiwa yang tenang. Perkataan jiwa merujuk *an-Nafs* yang digambarkan dalam kerangka yang pelbagai seperti “dir” “dirimu” dan “hatimu”. Jiwa yang tenang ialah jiwa yang mencintai Allah, dan cinta kepada Allah berkaitan dengan tindakan satu perasaan kudus yang terbit daripada takwa, iaitu melakukan perkara yang disuruh dan meninggalkan apa-apa yang ditegah-Nya, atau yang berperibadi mutmainah. Jiwa yang cenderung kepada kejahatan bukan jiwa yang cinta kepada Allah. Cinta *Islami* lahir daripada jiwa yang suci bersih yang berasaskan konsep din yang mempunyai unsur yang berhubungan, iaitu: (1) *indebtedness*; (2) *submissiveness*; (3) *judicious power*, (4) *natural inclination or tendency* (Syed Muhammad Naguib, 1993, p. 52). *Indebtedness* bermaksud patuh kepada peraturan dan undang-undang seperti yang gariskan dalam ajaran Islam. Cinta *Islami* ialah cinta yang patuh kepada al-Quran dan hadis yang

menjadi sumber peraturan dan undang-undang Islam. Cinta *Islami* ialah cinta yang tinggi nilainya, iaitu cinta kepada Allah yang akur kepada keesaannya. *Submissiveness* bermaksud menyerah diri secara total (jiwa dan raga) untuk mengabdikan diri dan berbakti (beribadah) kepada Allah yang maha berkuasa dan penentu segalanya (*judicious power*). Penyerahan yang tiada berbelah bahagi. *Natural inclination or tendency* pula merujuk fitrah. Cinta *Islami* yang berasaskan din ialah cinta yang semula jadi – “... *the natural state of being called fitrah. In fact din does also mean fitrah*” (Syed Muhammad Naguib, 1993, p. 61). Dengan kata lain, cinta *Islami* ialah cinta kepada Allah yang abadi, suci dan lahir daripada pengabdian jiwa secara total. Cinta *Islami* suatu fitrah yang wujud sejak azali lagi.

FITRAH

Psikologi Islam memberikan perhatian pada fitrah yang dilihat sebagai satu aspek yang sangat penting dalam memahami jiwa dan perlakuan serta tindakan manusia. Dengan memahami maksud fitrah yang betul maka seseorang itu dapat mengenal keperibadian seseorang yang bergelar insan kamil:

Keperibadian yang bersumber daripada fitrah tidak sekadar berakhir pada keperibadian antroposentris, seperti keperibadian moralitas dan sosialitas sebagaimana yang diteorikan oleh Psikoanalisis Freud, atau keperibadian spiritual-insani (dalam erti bukan agama) sebagaimana yang diteorikan oleh Psikohumanistik atau keperibadian penyesuaian dengan lingkungan fizik dan sosial sebagaimana yang diteorikan oleh Psikobehavioristik. Keperibadian *Islami* ialah keperibadian yang berorientasi dan berakhir pada teoantroposentris yang akhirnya membentuk insan kamil, iaitu manusia *paripura* yang mampu mengintegrasikan dirinya dalam pelbagai aspek kehidupan

(Abdul Mujib, 1999, p. 6).

Fitrah melahirkan manusia teoantroposentris yang mempunyai keperibadian kerohanian Islam dan berbeza dengan manusia yang berkeperibadian antroposentris seperti yang dibawa oleh psikologi Barat. Sehubungan itu, fitrah sangat besar ertinya untuk perkembangan peribadi Islam dalam psikologi Islam.

Umumnya para ulama memberikan makna fitrah berdasarkan firman Allah dalam *Surah al-Rum*, ayat 30. Dalam Islam, manusia itu dilahirkan dalam keadaan fitrah. Cinta kepada Allah satu fitrah. Surah yang memperkatakan

tentang fitrah termasuklah *Surah al-An'am*, *Surah al-Rum*, *Surah al-Syura*, *Surah Hud*, *Surah Yasin*, *Surah al-Zukhruf*, *Surah Isra'*, *Surah al-Anbiya*, *Surah Maryam*, *Surah al-Infithar*, *Surah Ibrahim*, *Surah Fathir*, *Surah Yusuf*, *Surah al-Zumar*, *Surah al-Mulk* dan *Surah al-Muzammil*. Dalam *Surah al-Rum* ayat 30, fitrah telah disebut sebanyak dua kali dalam ayat ke-30 seperti yang berikut:

Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama; fitrah buatan Allah yang menciptakan manusia atas fitrah itu. Tidak ada perubahan dalam ciptaan Allah. Itulah agama yang benar. Tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya

(Terjemahan dan Tafsir, 1984, p. 1024).

Ayat daripada *Surah al-Rum* ini menyatakan bahawa orang Islam itu telah dicipta mengikut fitrahnya. Fitrah ialah sesuatu yang tidak boleh berubah atau diubah kerana telah wujud semenjak dilahirkan bagi setiap manusia. Dalam konteks etimologi, perkataan fitrah berasal daripada akar kata; *fatara* yang bermaksud mencipta yang dihubungkan dengan penciptaan langit dan bumi serta manusia. Daripada perkataan *fatara* dapat disusuri kata-kata lain yang seerti seperti *fatrum*, *fatiru's-samawat*, *futira*, *tubi'a* dan *tab'un* yang bermaksud ciptaan, pencipta dan dicipta. Seterusnya, sejumlah akar kata seperti *fatarat*, *munfatar*, dan *anfatarat* juga membawa maksud seerti dengan perkataan fitrah. Perkataan ini disebut sebanyak 20 kali dalam 17 ayat al-Quran dan ayat-ayat ini dikenali sebagai ayat Makkiyah kerana diturunkan di Mekah. 17 surah Makkiyah mengetengahkan fitrah dalam beberapa aspek seperti bentuk, kategori, subjek, objek, aspek dan makna yang tersendiri (Abdul Mujid, 1999 pp. 10-13). Surah Makkiyah ini memberikan perhatian pada persoalan yang berkaitan dengan kepercayaan dan keimanan. Maka fitrah sebenarnya berhubungan dengan dasar pada pembentukan keperibadian Islam yang yakin kepada Allah yang menciptakan langit, bumi, manusia dan seluruh alam semesta.

KRITIKAN FITRAH DAN PRINSIPNYA

Kritikan Fitrah ialah kritikan sastera yang berlandaskan fitrah manusia seperti yang terdapat dalam al-Quran dan hadis. Dalam psikologi Islam, psikik manusia itu dapat dijelaskan mengikut aspek dan dimensinya. Dua aspek yang paling penting ialah aspek *nafsiah* dan rohaniah. Kritikan fitrah

bertujuan menilai manusia dan fitrahnya seperti yang terdapat dalam ajaran agama Islam. Persoalan fitrah yang dianalisis dan dinilai dalam kritikan fitrah dapat difahami dengan merujuk prinsip kritikan, iaitu pola, sistem dan estetika fitrah.

Pola Fitrah

Oleh sebab perkataan fitrah merujuk sekumpulan makna maka hal ini dilihat sebagai satu pola. Mengikut Syed Muhammad Naguib al-Attas, dalam diri manusia wujud satu pola fitrah yang hadir sebelum Muslim itu dilahirkan:

Fitrah is the pattern according to which God has created all things. It is God's manner of creating, sunnat Allah, and everything fits each into its pattern created for it and set in its proper place. It is the Law of God. Sumission to it brings harmony, for it means realization of what is inherent in one's true nature; opposition to it brings discord, for it means realization of what is extraneous to one's true nature

(Syed Muhammad Naguib, 1993 p. 61-62)

Setiap manusia itu diciptakan oleh Allah berdasarkan satu set pola fitrah. Syed Muhammad Naguib menyatakan Allah mencipta hambanya menepati pola yang diciptakan-Nya. Allah tidak mencipta satu fitrah tetapi sejumlah fitrah. Tegasnya, pola fitrah tidak merujuk satu fitrah tetapi beberapa maksud fitrah yang lain. Beberapa maksud fitrah itu membentuk satu pola yang mengandungi tiga komponen, iaitu akidah, ibadat dan akhlak. Dengan kata lain, fitrah berada dalam akidah, ibadat dan akhlak. Misalnya, fitrah yang bermaksud suci (*al-thuhr*) berada dalam pola akidah.

Manusia secara semula jadinya suci daripada segala kejahatan. Dalam *Surah an-Nahl*, ayat 78, Allah berfirman, maksudnya: “Dan Allah mengeluarkan kamu daripada perut ibu kamu – kamu tak tahu apa-apa – dan Ia memberikan kepada kamu pendengaran dan penglihatan dan hati, agar kamu bersyukur.” Dalam satu hadis daripada Abu Hurairah yang riwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, ada menyatakan bahawa: “Seseorang tidak dilahirkan kecuali dalam keadaan fitrah (suci). Maka kedua-dua orang tuanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani, Majusi dan Musyrik.” (Abdul Mujib, 1999, p. 14). Suci di sini bukan bermakna kosong atau neutral tetapi bebas daripada dosa warisan dan penyakit rohaniah. Persekitarannyalah yang menyebabkan kesuciannya ternoda.

Pola akidah merujuk fitrah yang bermaksud potensi Islam (*al-din al-Islami*), iaitu seseorang itu asalnya beragama Islam dan tujuan penciptaan manusia adalah untuk menyerahkan dirinya kepada Allah, penciptanya. Mengikut sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, fitrah itu bermaksud beragama Islam: “Bukankah aku telah menceritakan kepadamu tentang sesuatu yang Allah telah menceritakan kepadaku dalam kitab-Nya, bahawa Allah menciptakan Adam dan anak cucunya untuk berpotensi menjadi orang-orang Islam yang suci.” (dipetik dari Abdul Mujib, 1999, p. 21, lihat juga Sururin, 2004, p. 33).

Fitrah juga bermaksud mengakui keesaan Allah (*tauhid Allah*) dan pola akidah ini menyatakan bahawa manusia mengikut fitrahnya cenderung mengakui keesaan Allah (*tauhid Allah*), iaitu manusia cenderung untuk mencari dan mencapai ketauhidan. Fitrah manusia mengakui keesaan Allah telah wujud semenjak ia berada di alam roh lagi, seperti yang dinyatakan dalam al-Quran, *Surah al-A'raf*, ayat 172. Dalam ayat ini berlaku dialog antara Allah dan roh: “Bukankah Aku ini Tuhanmu? Mereka berkata: Ya; kami menyaksikan. Agar kamu pada hari kiamat tak akan berkata; Sesungguhnya kami tak tahu menahu tentang ini. Melalui dialog ini, manusia semenjak di alam roh telah berikar atau mengakui bahawa Allah itu Tuhan mereka. Perjanjian primodial ini membuktikan fitrah manusia untuk mengesakan Tuhan semenjak azali lagi.

Fitrah juga bermaksud, kesanggupan manusia untuk menerima kebenaran (*isti'dad li qabul al-haq*). Dalam *Surah Yunus*, ayat 90, dinyatakan bahawa: “... kemudian, Firaun dan bala tenteranya mengikuti mereka untuk menzalimi dan menindas (mereka). Sehingga Firaun hampir tenggelam dia berkata, Aku percaya bahawa tidak ada tuhan melainkan Tuhan yang dipercayai oleh Bani Israil, dan aku termasuk orang-orang Muslim”. Daripada maksud *Surah Yunus*, ayat 90 itu, disimpulkan bahawa secara fitrah manusia berusaha mencari kebenaran walaupun pencarian itu masih tersembunyi di dalam hati yang paling dalam.

Dalam pola beribadat, fitrah merujuk manusia yang berpotensi untuk beribadat (*syu'ur li al-`ubudiyah*) untuk mengenal dan mengabdikan dirinya kepada Allah. Mengikut fitrah manusia, mereka diperintahkan untuk beribadat kepada Allah dan mengenali-Nya. Maksud fitrah ini diambil daripada *Surah Yasin*, ayat 22, yang mengatakan bahawa: “Dan tidak ada alasan bagiku untuk tidak menyembah (Allah) yang telah menciptakanku dan kepada-Nya kamu akan dikembalikan”.

Pola akhlak berkaitan dengan fitrah yang berasaskan tindakan atau perlakuan manusia yang ada hubungannya dengan pola akidah dan ibadat. Fitrah dan akhlak dapat dilihat pada maksud fitrah yang berkaitan dengan beberapa sifat Allah yang tercermin dengan 99 nama-Nya. Misalnya, ar-Rahman ialah salah satu nama Allah yang membawa implikasi akhlak Islam yang baik, iaitu pengasih, *al-Barru* yang bermaksud penderma dan *al-Afiuw* yang bermakna pemaaf.

Asma' al-Husna merujuk sifat-sifat Allah yang ada kaitannya dengan nama-namanya (*asma' al-husna*). Pola akhlak juga ada hubungan dengan nama-nama ini. *Surah al-Hijr*, ayat 29, mengatakan bahawa: "Maka setelah Aku sempurnakan dia dan Aku tiupkan di dalamnya sebahagian roh-Ku, rebahkanlah dirimu bersujud kepada-Nya". Ayat ini menjelaskan tentang wujudnya hubungan antara Allah dengan roh manusia sebelum manusia itu wujud. *Surah al-Sajdah*, ayat 9 ada juga menyatakan roh Tuhan ini: "Lalu Ia buat itu sempurna, dan Ia tiupkan di dalamnya sebahagian roh-Nya, dan Ia berikan kepada kamu pendengaran, penglihatan, dan hati: (tetapi) sedikit sekali apa yang kamu syukuri". Dengan kata lain, secara fitrah, manusia dikurniakan dengan sifat-sifat Allah yang diberikan oleh Allah kepada manusia sebelum mereka dilahirkan. Sifat-sifat Allah itu terpancar daripada *asmaal-husna*, iaitu nama-nama Allah yang berjumlah 99 seperti yang terdapat dalam al-Quran. Yang penting, manusia berpotensi untuk mengaktualisasikan maksud nama-nama ini dalam fikiran dan tindakan mereka. Misalnya nama *ar-Rahman* yang bermaksud pengasih.

Sistem fitrah

Selain pola, fitrah juga dianggap sebagai satu sistem. Sistem ini merujuk sistem psikik manusia dan diaktualisasi melalui tindakan dan tingkah laku. Abdul Mujib dan Jusuf Mudzakir berpendapat bahawa fitrah sebagai satu sistem yang mempunyai dimensi psikofizik yang terdiri daripada roh, kalbu, nafs dan akal. Unsur psikofizik ini dapat dilihat sebagai dimensi fitrah. Oleh sebab fitrah itu mempunyai satu sistem psikofizik maka fitrah mempunyai potensi untuk diaktualisasikan oleh manusia melalui usaha-usaha tertentu (Abdul Mujib, 1999, p. 5). Sebagai satu sistem, unsur-unsur psikik ini berinteraksi dan berperanan secara khusus untuk membentuk manusia yang berperibadi Islam atau manusia kamil yang menyerlah potensi fitrahnya.

Sistem fitrah dibangunkan oleh satu struktur yang boleh difahami dengan melihat kepada dua aspek, iaitu; *nafsiah* (psikofizik) dan rohaniah (psikopsikik). Dari segi fizikal manusia, organ fizik-biologi diri manusia

mempunyai daya makan, tumbuh, dan reproduksi. Dalam *Surah al-Tin*, ayat 4, ada menyatakan tentang manusia sebagai ciptaan Allah yang sempurna dan terbaik: “Sungguhny Kami menciptakan manusia dalam (bentuk) ciptaan yang paling baik”. Sungguhpun fizikal manusia merupakan ciptaan yang terbaik Allah, namun pengisian fizikal itu juga sangat penting, iaitu aspek *nafsiah* dan rohaniah.

Aspek *Nafsiah*

Aspek *nafsiah* ialah aspek psikofizik dan ada yang menyebutnya sebagai fitrah *nafsaniah*. Mengikut Abdul Mujib:

Fitrah *nafsaniah* adalah potensi jasad-rohani (psiko-fizik) manusia yang secara *inheren* telah ada sejak manusia siap menerimanya, yaitu usia empat bulan dalam kandungan. Semua potensi yang terdapat pada fitrah ini bersifat *potential*, tetapi ia dapat aktual jika manusia mengupayakan. Setiap komponen yang ada memiliki daya-daya latar yang dapat menggerakkan tingkah laku manusia. Jadi *aktualitas* fitrah *nafsaniah* ini merupakan citra keperibadian manusia, yang *aktualisasi* itu seperti dipengaruhi oleh beberapa faktor, misalnya faktor usia, pengalaman, pendidikan, pengetahuan, lingkungan dan sebagainya.

(Abdul Mujib, 1999 p. 56).

Aspek *nafsiah* wujud semenjak manusia itu masih dalam kandungan lagi. Pada usia janin manusia berumur empat bulan, barulah Allah tiupkan roh-Nya ke dalam jasad manusia. Hadirnya roh ini maka bermulalah satu fitrah yang berpotensi untuk membawa manusia kepada satu kehidupan yang diredhai oleh Islam. Aspek *nafsiah* dapat dibahagikan kepada tiga dimensi, iaitu dimensi kalbu (*al-qalb*), nafs (*an-nafs*) dan akal (*al-aqal*)

(i) Dimensi kalbu (*al-qalb*)

Dimensi kalbu ialah dimensi yang mempunyai daya memahami dan merasai. Dari segi psikologi, kalbu memiliki daya emosi atau daya merasa dan daya kognisi. Kalbu juga berfungsi untuk menimbulkan daya cipta seperti berfikir, memahami, mengingat dan melupakan sesuatu. Namun begitu, daya emosinya mengatasi daya kognisi. Dalam al-Quran, kalbu berfungsi untuk menimbulkan daya tenang, sayang, dengki, sombong, kesal dan sebagainya. (Abdul Mujib, 1999, p. 63). Nama lain bagi kalbu ialah

al-dhamir (tempat merasa dan daya rekoleksi), *al-fu'ad* (dapat melihat kebenaran), *al-qalb* (tempat iman) dan *al-sirr* (bahagian paling halus dan rahsia). Kalbu mempunyai persepsi rohaniah yang dapat memahami dan merasai kebenaran dan ilmu daripada Allah (ilham). Daya rohaniah ini mempunyai keupayaan yang disebutkan sebagai *al-nur al-illahi* (cahaya ketuhanan) dan *al-bashirat al-bathinat* (mata batin). Daya rohaniah ini dapat dicapai apabila kalbu benar-benar suci. Mengikut Abdul Mujib (1999, p. 60), kalbu mempunyai suprakedaran atau *ilahiyat/rabbaniyat* yang dipancarkan daripada Allah. Dengan itu, melalui kalbu manusia juga boleh mengenal lingkungan spritual, ketuhanan dan keagamaan. Baik dan buruk kalbu bergantung pada pilihan manusia. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, ada menyebut:

Sesungguhnya di dalam tubuh manusia terdapat segumpal daging. Apabila ia baik, maka semua tubuh menjadi baik, tetapi apabila ia rusak, maka semua tubuh menjadi rusak pula. Ingatlah bahawa ia adalah kalbu

(Abdul Mujib, 1999, p. 61).

Berdasarkan hadis di atas, maka keadaan kalbu itu boleh dibahagikan kepada tiga, iaitu kalbu baik, kalbu buruk dan kalbu yang berada antara baik dan buruk. Kalbu yang baik ialah kalbu yang hidup (*al-tayy*), iaitu, sihat, bening, bersih, beriman, bertakwa dan menerima kebenaran. Kalbu yang buruk ialah kalbu yang buta, sesat, kasar, engkar, berpaling dan menolak kebenaran. Kalbu yang berada antara baik dan buruk ialah kalbu yang berpenyakit (*mardh*) seperti ragu-ragu, kemunafikan, menerima kebenaran dan kadang-kadang menolaknya. Keadaan kalbu seperti ini masih boleh diselamatkan dengan disucikan melalui taubat.

(ii) Dimensi nafs (*an-nafs*)

Dimensi nafs ini boleh dibahagikan kepada tiga tingkat nafsu, iaitu nafsu *ammarah*, nafsu *lawwamah* dan nafsu *mutmainnah*. Nafsu amarah mempunyai daya untuk mendorong melakukan kejahatan. Nafsu *lawwamah* pula mempunyai daya untuk melakukan kejahatan dan kemudian menyesal atas perbuatan jahatnya. Nafsu *mutmainnah* pula mempunyai daya yang lebih besar untuk melakukan perbuatan baik (Abdul Mujib, 1999, p. 70).

(iii) Dimensi akal

Dari segi psikologi, akal mempunyai daya untuk mengetahui kerana adanya daya fikir untuk memahami dan bertindak. Daya fikir ini menggunakan alat indera seperti penglihatan, pendengaran, sentuhan, bau dan rasa. Berakal bermaksud mampu menahan atau mencegah hawa nafsu. Mengikut al-Ghazali, terdapat empat pengertian akal, iaitu sebagai sebutan yang membezakan manusia daripada haiwan. Akal sebagai ilmu yang lahir ketika anak mencapai usia baligh sehingga dapat membezakan antara yang baik dan buruk. Akal sebagai ilmu yang lahir daripada pengalaman dan kekuatan yang dapat menundukkan nafsu yang mahukan kenikmatan dan menghentikan angan-angan yang keterlaluan (Abdul Mujib, 1999, p. 65). Dengan kata lain, akal mempunyai potensi secara ilmu dan pengalaman untuk mengekang nafsu amarah yang jahat itu. Dengan kata lain, manusia memerlukan akal untuk memastikan dia dapat mengaktualisasikan fitrahnya melalui kawalan dan pengurusan nafsu amarah secara logik

Aspek Rohaniah

Aspek rohaniah mempunyai dua dimensi, iaitu dimensi *ar-roh* dan *al-fitrah*. *Ar-roh* berasal daripada Allah, namun apabila berada bersama badan (jisim) dan jiwa (*nafs-aqal-qalb*) maka *ar-roh* mempunyai daya kerohanian yang mampu membawa badan dan jiwa menuju kepada Allah. Kekuatan daya kerohanian ini bergantung pada tingkat atau kedudukan *nafs*, *qalb* dan roh. Roh akan menjadi tercemar apabila dikotorkan oleh jiwa yang juga tercemar.

Dimensi *al-fitrah* mempunyai daya untuk mengikat struktur psikik manusia yang mengandungi *nafs*, akal, kalbu dan roh menjadi satu entiti yang berhubungan. *Al-fitrah* satu lingkaran yang menghubungkan *nafs*, akal, kalbu dan roh menjadi satu kesatuan yang kukuh. Jika manusia itu terkeluar daripada fitrahnya maka dia keluar daripada lingkungan *nafs*, akal, kalbu dan rohnya. Maka kesannya, manusia itu akan masuk pula dalam lingkaran syaitan yang sukar untuk keluar daripadanya.

Dengan kata lain, fitrah sebagai satu sistem yang dikonkritkan dengan satu struktur yang kuasai oleh tiga aspek, jasmaniah, *nafsiah* dan rohaniah. Aspek *nafsiah* yang mengandungi *nafs*, akal dan kalbu. Aspek rohaniah pula mengandungi roh dan fitrah. Fitrah menjadi satu lingkaran yang menghubungkan *nafs*, akal dan kalbu menjadi satu kesatuan yang kukuh sehingga manusia itu boleh *mengaktualisasikan* fitrahnya.

Estetika Fitrah

Prinsip ketiga kritikan fitrah ialah, estetika fitrah, iaitu keindahan. Apakah yang dimaksudkan dengan puisi yang indah? Pelbagai pandangan cuba menjelaskan maksud puisi yang indah. Indah merujuk nilai dan pengalaman. Nilai indah itu berada dengan objek seni seperti puisi. Pengalaman indah merujuk pengalaman menikmati keindahan. Jika dirujuk pada objek khususnya objek seni seperti puisi indah itu merujuk aspek fizikal puisi tersebut. Aspek fizikal puisi sering dikenali sebagai intrinsik dan ekstrinsik seperti tema dan persoalan, gaya bahasa dan bentuk. Tema dan persoalan yang baik perlu dibangunkan dengan gaya bahasa yang menarik dan berkesan. Pengalaman menikmati keindahan puisi bergantung pada keupayaan puisi berkenaan menyentuh perasaan dan fikiran pembaca. Puisi yang indah memberikan kesan kepada pembaca dari segi perasaan dan fikiran. Perasaannya tercuik dengan gaya bahasa yang bagus dan fikirannya berfungsi kerana tema dan persoalan yang membawa pelbagai mesej yang mungkin juga bersifat didaktik.

Mengikut A. Teeuw (1992), dalam karya sastera seperti puisi atau prosa terdapat dua jenis estetika (keindahan), iaitu estetik persamaan dan estetik perbezaan atau pertentangan. Estetik persamaan merujuk konvensi di mana seorang penyair itu masih selesa dengan gaya bahasa yang telah biasa digunakan, pembaca akan mudah membuat identifikasi dan mengesan makna serta rentak bahasanya. Estetik pertentangan pula merujuk penyeimbangan daripada gaya bahasa yang biasa. Di sini, kemungkinan penyair berkenaan mahu bereksperimen dengan gaya bahasa yang baharu yang lebih segar dan berkesan. Gandingan daripada dua jenis estetik ini dapat memberikan satu keindahan yang baharu kerana berlaku ketegangan di dalamnya. Ketegangan yang berlaku dalam puisi tersebut tidak menyebabkan pertentangan sebaliknya membuahkan kesatuan yang kukuh.

Gaya bahasa ialah cara penyair memilih bahasa yang sesuai dengan cita rasanya. Bahasa yang dipilih ialah bahasa yang dapat menimbulkan perasaan tertentu dalam hati orang lain, dan fikiran yang hendak disampaikan. Gaya bahasa pada umumnya digunakan untuk menarik hati pembaca supaya tidak bosan kerana gaya bahasa dapat memberikan kesegaran pembacaan karya tersebut. Gaya bahasa itu menghidupkan dan mengerakkan ayat. Gaya bahasa itu untuk menimbulkan reaksi tertentu dan tanggapan kepada pembaca. Tegasnya, fungsi gaya bahasa adalah untuk menghidupkan dan memberikan jiwa pada karya yang dicipta. Terdapat pelbagai gaya bahasa digunakan oleh penyair. Gaya bahasa ini menjadi sebahagian daripada estetika selain

isinya. Kesesuaian sesuatu gaya bahasa itu ada hubungan dengan isi yang ingin dikemukakan. Jenis-jenis gaya bahasa itu termasuklah gaya bahasa penegasan/pengulangan, gaya bahasa perbandingan, gaya bahasa pertentangan dan gaya bahasa sindiran. Setiap pengarang biasanya mempunyai gaya bahasanya sendiri. Hal ini sesuai dengan sifat dan kegemaran masing-masing pengarang. Pengarang menggunakan gaya bahasa yang bermacam-macam untuk mengungkapkan fikiran dan pengalamannya. Gaya bahasa sebenarnya merupakan sebahagian daripada diksi atau pilihan kata.

Estetika sama ada persamaan atau pertentangan dapat dilihat daripada beberapa gaya bahasa yang digunakan seperti gaya bahasa perbandingan, gaya bahasa pengulangan, gaya bahasa pertentangan, gaya bahasa sindiran dan gaya bahasa pertautan. Unsur gaya bahasa perbandingan antaranya termasuklah perumpamaan, simbol, metafora, personifikasi hiperbola, alusio dan alegori. Aliterasi, asonansi, efora dan anafora merupakan unsur gaya bahasa pengulangan. Gaya bahasa pertentangan antaranya termasuklah ironi, satira, sinisme, sarkasme dan paradoks. Gaya bahasa sindiran melibatkan penggunaan ironi, sinisme dan sarkasme. Gaya bahasa pertautan melibatkan unsur seperti eponim dan alusi. Gaya bahasa ini digunakan sesuai dengan isi puisi yang dikemukakan.

Pengalaman kerohanian itu merupakan satu ruang kudus yang bukan semua manusia dapat sampai. Dengan gaya bahasa yang sesuai, pengalaman itu diterjemahkan dalam bentuk kata-kata yang terpilih dengan bunyi-bunyi tertentu sehingga menimbulkan irama dan menyegarkan makna yang ingin disampaikan. Menurut Muhammad Haji Salleh (1988, 45), puisi harus membantu pembaca menghampiri pengalaman yang terbentang luas itu dengan lebih dekat, mendalam dan bijaksana. Masalahnya, penyair memiliki kata-kata yang terhad untuk menjelaskan pengalaman itu. Dengan kata-kata yang terhad itu, penyair perlu memilih kata-kata yang terbaik untuk merakamkan pengalaman yang luas itu termasuklah pengalaman mendekati dan mencintai Tuhan. Lantaran itu, usaha ini bukanlah mudah kerana memerlukan kecekapan bahasa dan kreativiti yang tinggi.

ANALISIS: *CINTA YANG MENYALA KEMBALI KEPADA FITRAH*

Norjannah MA atau Johana Leo Augustine @ Norjana Mohd Adnan merupakan penyair dan cerpenis kelahiran Tuaran, Sabah. Kini menetap di Pulau Pinang. Beliau memeluk agama Islam sekitar tahun 1985. Norjannah menulis karya sastera semenjak 1989. Puisi-puisinya terdapat dalam beberapa antologi

seperti *Sinar Siddiq* (2012), *Lanteras Sastera* (2013), *Puisi 3 Negara – Bebas Melata* (2013), *Bisikan 8* (2014), *Lanteras 2* (2015) *Memahat Mentari* (2016), cerpen dalam antologi *Hikmah* (1995), dan *Titian Permata* (1993). *Nyiur Gading Tinggi Melambai* (2014) dan *Di Pintu Kasih* (2015). *Kumpulan Puisi Yang Menyala* (2017) merupakan karyanya yang terbaru. Pernah mendapat Hadiah Sastera Sabah dalam kategori puisi eceran. Karyanya yang terbaru ini memancarkan puisi-puisi yang berkaitan dengan sesuatu yang menyala dalam dirinya. Sebagai seorang muallaf, beliau memperlihatkan usaha dan perjuangan untuk mencari dan menikmati cinta Allah yang sebelum ini tidak dicari dan jauh sekali menemuinya. Pemilihan Norjannah MA dan karyanya ini sangat relevan dengan kajian ini.

(i) Pola fitrah - akidah

Apakah yang menyala dalam *Kumpulan Puisi Yang Menyala* (2017)? Yang menyala dalam kumpulan puisi ini ialah cinta. Persoalan cinta banyak diperkatakan oleh Norjannah MA. Cinta dalam *Kumpulan Puisi Yang Menyala* bukan dalam pengertian cinta sensasi, sebaliknya, ungkapan cinta secara jelas dan samar dalam puisi Norjannah membawa konsep cinta *Islami* yang berteraskan fitrah. Mencintai Allah ialah fitrah.

Perkataan fitrah juga terdapat dalam beberapa puisinya seperti “Nyanyian Hayat”, “Mencintaimu” dan “Mengkasyaf Cinta.” Dalam puisi yang bertajuk “Mencintaimu” dinyatakan dalam baris pertama; “Kita sendiri mencari makna tentang fitrah” (Norjannah MA, 2017, p. 6). Dalam puisinya yang bertajuk “Mengkasyaf Cinta”, Norjannah menyatakan:

Dalam sabar rindu
dalam bening luka tersembunyi
membengkak ngilu membebat nurani
mencari semula kudus cinta
mengembalikan asal fitrah
saat gelora luka menanah
di malam-malam sunyi
hilang cahaya.

(Norjannah MA, 2017: 55)

Norjannah ingin kembali kepada fitrahnya iaitu mencintai penciptanya, iaitu Allah dan keinginan ini selari dengan salah satu maksud fitrah mengesakan kewujudan Allah. Dengan memberikan cinta kepada Allah bermaksud antara

lainnya mengesakan kewujudan Allah sebagai pencipta alam dan penghuninya. Frasa dalam puisi di atas, iaitu “mencari semula kudus cinta/mengembalikan asal fitrah”, menjelaskan lagi hubungan cinta *Islami* dan fitrah.

Persoalan fitrah ini juga terlihat dalam puisi yang bertajuk “Nyanyian Hayat”:

Dalam pengucapan zuhud
 seorang Ain memberimu manis
 rindu mencium rahim cinta
 sempurna mencantumkan fitrah diri
 kembali menenun gerimis hayat
 dalam keberangkatan mencari firdaus
 kekasih ...
 kuberikan mahkota cinta.

(Norjannah MA, 2017, p. 2)

Dalam puisi ini Norjannah kembali kepada fitrahnya menjadi pencinta dan perindu kepada Penciptanya dengan mengabdikan jiwa dan raganya kepada-Nya. Penggunaan kata yang membawa konotasi cinta Allah seperti zuhud, firdaus, kudus, fitrah, rindu dan kekasih memudahkan pembaca mengenal pasti tema dan persoalan yang ingin disampaikan.

Norjannah cuba menjelaskan rasa cinta *Islami* yang dialaminya. Baginya, cinta kepada Allah tidak sama dengan cinta kepada manusia. Sukar untuk menyatakan dengan kata-kata tentang makna cinta tersebut. Maka Norjannah bertanya, “persona dan ghairah apakah ini?” sehingga begitu mengasyikan. dalam puisinya bertajuk “Ketika Sepi”:

...
 Pesona apakah ini?
 Ghairah apakah ini?
 Menerawang jauh ke angkasa
 Mengetuk pintu-pintu terkunci

(Norjannah MA, 2017, p. 36)

Sukar bagi Norjannah menguraikan cinta tersebut. Begitu terkesan cinta kepada Allah sehingga tidak ada kata-kata untuk mengungkapkannya. Namun daya cinta *Islami* itu sangat kuat tarikannya kepada seseorang yang selama ini tidak pernah dikenalnya seperti yang tergambar dalam puisi yang bertajuk “Mencintaimu”:

...
aku masih mengharap dalam setiap minta
saat aku mendengar panggilan
aku datang memelihara harum kasturi
di hadapan-Mu
Kau menjemput aku.
Mencintai-Mu, Al-Fatah
Kau pun datang.

(Norjannah MA, 2017, p. 6)

Penyair menggunakan frasa, “aku datang memelihara harum kasturi” untuk menunjukkan tentang keadaan dirinya yang bersih daripada nafsu rendah, iaitu nafsu amarah ketika menghadap Tuhannya. Dirinya yang bersih daripada segala unsur kekotoran telah menyebabkannya terasa dijemput untuk bertemu dengan Penciptanya. Cinta *Islami* itulah yang menghasilkan rasa kedekatannya dengan-Nya. Nada yang sama terdapat dalam puisi “Memilihmu” tentang aku mencari cinta agung daripada kekasihnya, iaitu Allah:

Lihat aku kekasih
setiap pagi menyelak hari-Mu
moga tiada cahaya yang menghalang
rindu yang tersimpan
dalam keagungan cinta-Mu

(Norjannah MA, 2017, p. 7)

Cinta *Islami* jelas menguasai dirinya. Penyair bermonolog dengan Penciptanya yang disebutnya sebagai kekasih dengan harapan tiada sebarang halangan untuk dia merasakan kehadiran cinta tersebut. Menurut Norjannah lagi, semenjak dari dalam rahim lagi, dia (aku) telah difitrahkan memiliki cinta agung itu dan cinta *Islami* itu dapat dirasai apabila dia melihat kebesaran ciptaan Tuhan (menzahirkan zikir alam), bersolat (mengenal lirik azan), berakhlak mulia (mengkiami sahsiah zuhud), berhijrah ke arah kebaikan (dalam hafazah hijrah) dan membaca al-Quran (Iqra’ pertama Alif Lam Lam Ha):

dalam Rahim menyambut nur hidayah
menzahir zikir alam
mengenal lirik azan
mengkiami sahsiah zuhud
dalam hafazah hijrah

Iqra' pertama
 Alif
 Lam
 Lam
 Ha.

(Norjannah MA, 2017, p. 7)

Norjannah suka kepada estetika persamaan, iaitu konvensi apabila kata-kata yang dipilih menjadi mudah kepada pembaca untuk mengenal pasti tentang Islam dengan rujukan kepada cinta Allah. Pemilihan kata seperti kekasih, Mu (huruf besar M merujuk kepada Allah), nur hidayah, zikir, azan, zuhud, hijrah, Iqra' serta bunyi-bunyi huruf Arab seperti Alif, Lam dan Ha merupakan konvensi dalam puisi berusur Islam.

Seterusnya, cinta kepada Allah sebagai satu fitrah boleh didapati dalam puisi-puisi yang lain seperti "Sunyi Rindu" dan "Perempuan Pulau". Dalam puisi "Sunyi Rindu", Norjannah menzahirkan cintanya kepada Allah yang disebut sebagai 'ya Rabb' berbanding dengan rindunya yang dahulu kepada manusia. Rindu kepada Allah lebih bermakna dan abadi berbanding rindu kepada manusia:

...
 Tidak perlu berkabung di atas kematian sebuah rindu
 biarkan sahaja senja terus menggores malam
 ada yang lebih bermakna dari sebuah rindu.

Akuku adamu
 Akumu adaku
 sempurna utuh akar cinta
 ya Rabb
 mencari-Mu.

(Norjannah MA, 2017, p. 41)

Bagi Norjannah, kecundangannya rindu kepada manusia tidak perlu diratapi kerana rindu seperti itu tidak abadi. Sebaliknya, rindu kepada Pencipta adalah abadi dan mencari rindu itu lebih dekat kepada dirinya kerana tidak ada hijab atau halangan antara dirinya dengan Pencipta kerana rindu itu agung dan tertinggi seperti katanya; 'Akuku adamu/Akumu adaku'.

Seterusnya dalam puisi yang bertajuk “Perempuan Pulau”, diperkatakan lagi tentang cinta abadi, iaitu cintanya kepada Allah: Dalam puisi ini mencintai Allah itu dinyatakan dalam bait terakhir:

Apakah kau masih di sana melihatku
Dalam puisi ada jiwamu
Dalam kalbuku ada suaramu
Abadi sepanjang zaman
Meski sesekali lelah dalam pengorbanan
Menghitung hari-hari senja
Yang semakin hilang warna
Masih ada embun tersenyum
Hanya untukmu.

(Norjannah MA, 2017, p. 8)

Norjannah mula sedar bahawa dalam jiwanya ada satu perasaan kepada Penciptanya, iaitu Allah sungguhpun usianya telah tiba dihujung senja atau telah meningkat tua. Katanya, “Dalam kalbuku ada suaramu/Abadi sepanjang zaman” untuk menjelaskan bahawa rupanya ada cinta yang abadi dalam dirinya kepada Tuhan yang selama ini tidak diketahuinya. Cuma yang membimbangkannya, sama ada Allah masih menerima cinta fitrahnya yang setelah sekian waktu terabai. Beliau ingin kembali kepada fitrahnya, iaitu mencintai Allah semula.

Dalam puisi yang bertajuk “Mengkasyaf Cinta” terdapat satu lagi maksud fitrah, iaitu nama-nama Allah yang disebut sebagai “Asmaul Husna” yang dinyatakan sebagai satu pengembalian kepada fitrah:

Aku kembali mentafsir ayat-ayat-Nya
mensyukuri setiap wujudku
berpaut pada temali Asmaul Husna

(Norjannah MA, 2017, p. 55)

Kembali kepada nama-nama Allah itu adalah satu pengembalian kepada fitrah. Manusia yang difitrahkan dengan sifat-sifat yang dimiliki oleh Allah. Kembali kepada fitrah, iaitu kembali kepada makna Asmaul Husna (berpaut pada temali Asmaul Husna) yang terdapat pada makna di sebalik ayat-ayat al-Quran yang dibaca (Aku kembali mentafsir ayat-ayatnya/mensyukuri setiap

wujudku). Hal yang sama telah dititipkan oleh Norjannah dalam puisinya yang lain iaitu “Memilihmu”,

...
 dalam keagungan cinta-Mu
 dalam perjalanan menuju tamsil munajat
 mengadun alpa mencanai Asmaul Husna
 dalam Rahim menyambut nur hidayah

(Norjannah MA, 2017, p. 7)

Rangkap di atas menjelaskan bahawa dengan mengingati nama-nama Allah (Asmaul Husna) itu maka kealpaan penyair dalam usaha mencari cinta Allah yang agung itu akan terhindar. Manusia difitrahkan mengagumi maksud yang ada pada nama-nama Allah itu. Pemilihan kata yang membawa denotasi dan konotasi Islam dan cinta kepada Allah menjadi wahana bahasa bagi menyampaikan perasaan dan fikirannya. Norjannah selesa berada dalam estetika persamaan berbanding dengan estetika pertentangan.

Sistem fitrah

Dalam kritikan fitrah, sistem fitrah sebagai satu prinsip fitrah perlu diberikan perhatian kerana persoalan tentang fitrah yang dinyatakan dalam karya sastera akan menjadi lebih menarik dengan kompleksitinya. Melalui perbincangan itu, kompleksiti fitrah akan dapat dianalisis dengan baik.

Kembali kepada fitrah merupakan satu usaha yang tidak mudah. Cabaran dan dugaan akan ditempuhi. Maka proses pembersihan jiwa perlu berlaku. Abdul Mujib dan Jusuf Mudzakir (2002) berpendapat bahawa fitrah sebagai satu sistem mempunyai dimensi psikofizik yang terdiri daripada roh, kalbu, nafs dan akal. Nafs dihubungkan dengan fitrah *nafsiah*, iaitu manusia yang fitrahnya dikuasai oleh nafsu *mutmaninnah*, iaitu nafsu yang tinggi darjatnya. Dimensi nafs ini dibahagikan kepada tiga tingkat nafsu, iaitu nafsu amarah, nafsu *lawwamah* dan nafsu *mutmainnah*. Nafsu amarah mempunyai daya untuk mendorong melakukan kejahatan. Nafsu *lawwamah* pula mempunyai daya untuk melakukan kejahatan dan kemudian menyesal atas perbuatan dosa yang dilakukannya. Nafsu *mutmainnah* pula mempunyai daya yang lebih besar untuk melakukan perbuatan baik.

Ada beberapa puisi Norjannah yang membicarakan fitrah *nafsiah* ini. Bagi Norjannah bukan mudah untuk kembali mencintai Allah kerana aspek nafsu ini khususnya nafsu peringkat rendah, iaitu nafsu amarah mudah

menguasainya dan tidak senang untuk mematakannya. Sungguh susah untuk mencapai nafsu *mutmainnah*, ia sesuatu yang diperlukan. Menghindari atau membunuh nafsu amarah sangat dituntut dan membunuh nafsu amarah merupakan satu anak tangga mencapai cinta kepada Allah. Manusia seperti Norjannah sering digoda dan dikuasai oleh nafsu amarah. Nafsu amarah merupakan halangan untuk mencapai cinta Allah yang agung itu. Dalam puisi “Zikir Rindu” dinyatakan:

...
mencari jalan pulang saat debu menyapa mata
menyimpan gelisah resah di bibir siang malam
sesekali mengutus rindu pada musim purba
menganyam kelopak mawar tanpa aroma.

(Norjannah MA, 2017 p. 58)

Usaha Norjannah untuk kembali kepada fitrahnya menyintai Allah sering terganggu dengan pelbagai halangan seperti kegelisahan, kenangan masa lalu (sesekali mengutus rindu pada musim purba) dan cinta yang palsu (menganyam kelopak mawar tanpa aroma). Katanya lagi:

...
Di hujung jalan
lelayang itu tiba-tiba hilang peneraju.

(Norjannah MA, 2017 p. 58)

“Lelayang” yang terputus daripada penerajunya itu ibarat diri Norjannah yang dalam perjalanan rohaninya untuk mencari cinta Allah yang diganggu oleh nafsu amarah dan keadaan ini menyebabkan beliau terumbang-ambing dalam pencariannya itu seperti “lelayang itu tiba-tiba hilang penerajunya”.

Puisi yang bertajuk “Mimpi Tak Bernoktah”, menggambarkan nafsu amarah telah mengganggu usahanya mencari cinta Allah:

... akhirnya mimpi tak pernah sampai ke bintang
menjadi sukar saat setiap kita menahan bias amarah
membilang derap langkah sering terjatuh
ada rasa yang mengepung di setiap sudut
sebuah keberangkatan tertahan
mengitarinya nyanyian zikir tak yang pernah habis.

(Norjannah MA, 2017 p. 50)

Rangkap puisi di atas dengan jelas membincangkan kesukaran penyair untuk keluar daripada perangkap nafsu amarah yang hanya mementingkan keseronokan dan melalaikan seperti yang dinukilkan; “ada rasa yang mengepung di setiap sudut/sebuah keberangkatan tertahan.” Dengan penguasaan nafsu amarah, cinta *Islami* terbantut atau langsung terpadam. Pembersihan nafsu rendah ini perlu dilakukan dengan banyak beribadat seperti berzikir. Dalam puisinya yang bertajuk “Titik Mahabbah”, nafsu amarah itu diumpamakan bagai matahari:

Meski setiap detik yang pergi
 mengajak pergelutan ini
 yang pernah menyentuhmu
 mengajakku ke lahat rahsia
 sekeping nota
 untukmu awan indah
 aku tidak pernah lagi memandang
 setiap bahasa mu
 telah kuhafaz kausar mahabbah.
 Matahari,
 jangan hadang cahayaku.

(Norjannah MA, 2017 p. 25)

Nafsu amarah yang kotor itu umpama cahaya matahari yang menyilau pandangan mata sehingga menutup mata hati menjadi kabur. Dalam usaha untuk mencapai cinta Allah itu pelbagai dugaan dan pergelutan yang dikuasai oleh nafsu amarah. Norjannah merintih jangan ada halangan yang cuba mengganggu perjalanan rohaninya.

Dengan penguasaan nafsu amarah, aspek psikofizik manusia telah diganggu dan mencalarakan dimensi kalbu yang menjadi tempat merasa (*al-dhamir*), tempat beriman (*al-qalb*) dan bahagian paling halus dan rahsia (*al-sirr*). Kalbu akan menjadi kotor dan tidak mampu untuk merasai nikmat kebenaran dan ilmu daripada Allah, iaitu cinta kepada Allah yang agung itu. Mengapakah nafsu amarah terus menguasai manusia? Hal ini berlaku kerana dimensi akal dalam aspek *nafsiah* yang berpotensi untuk mengawal nafsu amarah tidak bertindak sewajarnya sehingga nafsu amarah mengawal akal yang sihat menjadi berpenyakit. Akal tidak dapat bertindak mengawal dan mengurus nafsu amarah dengan baik.

Apa-apa yang diperlukan oleh manusia dalam usahanya mencari dan menemukan cinta Allah ialah memiliki nafsu *mutmainnah*, yaitu satu nafsu yang mempunyai potensi yang lebih besar untuk melakukan kebaikan. Hal ini diketahui oleh Norjannah seperti yang dinyatakan dalam puisinya yang bertajuk “Hijrah”. Beliau berhijrah daripada nafsu amarah kepada nafsu *mutmainnah* yang baik itu. Kata Norjannah:

Menyusuri pesona sakinah menzahir nikmat
ke ufuk ziarah menzikir tahmid munajat
mengkiami diam ke kalbu *mutmainnah*
aku mengunyah setiap-ayat-Mu
menyulam makna kesempurnaan menyeberangi persetaan
Al-Mutakabbir
jabar cinta.

(Norjannah MA, 28)

Puisi “Hijrah” memberitahu tentang satu usaha penghijrahan Norjannah daripada tahap nafsu amarah kepada nafsu yang tertinggi dan suci, iaitu nafsu *mutmainnah* yang tinggi hierarkinya. Dengan berhijrah dari penguasaan nafsu amarah kepada nafsu *mutmainnah* maka barulah seseorang itu dapat menjejaki cinta Allah. Penghijrahan itu dilakukan dengan cara meningkatkan amal ibadat seperti berzikir dan membaca ayat suci al-Quran serta memahami maksudnya. Hal ini memenuhi satu lagi maksud fitrah, iaitu fitrah manusia berpotensi untuk beribadat dan mengenali Allah.

Estetika Fitrah

Dari aspek estetika, gaya bahasa yang digunakan oleh Norjannah dalam puisi-puisinya ialah gaya bahasa monolog. Beliau bermonolog dengan Tuhannya. Dengan monolog ini, penyair secara tersurat dan tersirat membincangkan persoalan tentang fitrah dari segi pola dan sistemnya. Pola fitrah mencintai dan mengesakan Allah jelas diluahkan oleh penyair dengan gaya bahasa yang hiperbolik sifatnya. Kelihatan penyair membesar-besarkan persoalan cinta *Islam*nya dengan bahasa pinjaman daripada bahasa Arab. Dengan kata lain, beberapa gaya bahasa digunakan oleh penyair seperti gaya bahasa perbandingan, hiperbola, simbol dan sebagainya.

Puisi-puisi yang telah dianalisis menunjukkan bahawa Norjannah berusaha untuk kembali kepada cinta Allah yang dianggap lebih benar daripada cinta

manusia yang palsu itu. Beliau berjuang untuk mencapai keadaan jiwa yang bersih daripada daki dunia yang terikat dengan nafsu amarah. Rohnya sedang disediakan untuk mengilap kembali cahaya cinta Allah melalui pengharapan yang diulang-ulang dalam puisi yang dikaji. Namun sering pula diganggu oleh godaan yang mencengkam. Dalam puisi “Zikir Rindu” dinyatakan:

...

mencari jalan pulang saat debu menyapa mata
menyimpan gelisah resah di bibir siang malam
sesekali mengutus rindu pada musim purba
menganyam kelopak mawar tanpa aroma.

(Norjannah MA, 2017 p. 58)

Gaya bahasa perbandingan dapat dilihat pada penggunaan perkataan “debu” yang merupakan satu simbol yang negatif seperti pandangan kebendaan yang mengoda atau melalaikan seperti terpesona dengan barang kemas, rumah besar, makanan yang enak, pakaian yang cantik. Personifikasi juga boleh dilihat pada kalimat, “bibir siang malam” yang merujuk bahawa di sudut hatinya yang sedang berzikir (menyebut atau mengingati Allah dengan memuji-muji kebesaran-Nya) masih wujud perasaan keduniaan seperti rindu kepada seseorang atau terkenang kepada sesuatu. Gaya bahasa perbandingan (gaya bahasa simbolik) juga boleh dilihat kepada ungkapan “musim purba” yang melambangkan masa lalu atau satu zaman yang lalu. Gaya bahasa penegasan seperti paralelisme (kata-kata yang sama erti), iaitu “gelisah resah” terdapat dalam kalimat; “menyimpan gelisah resah di bibir siang malam”. Ungkapan “gelisah resah” juga satu gaya bahasa pengulangan yang dapat menimbulkan irama yang indah.

Persediaannya menuju ke taman fitrahnya itu diperkuat dengan penggunaan banyak perkataan Arab yang mempunyai denotasi dan konotasi kerohanian Islam seperti, fitrah, mahabbah (mencintai), zikir, zuhud, nur, hidayah, sakinah (kedamaian), mawaddah (cinta), *warrohmah* (kasih sayang), jannah, syifa, kasyaf, hasanah, kalbu, *rabb*, kausar (nikmat), Adawiyah, Jibril, mutakabbir (memiliki kebesaran), *mutmainnah*, raudah (taman), dan beberapa lagi. Dalam konteks ini gaya bahasa pertautan digunakan. Unsur eponim digunakan, iaitu nama-nama yang dihubungkan dengan sifat tertentu digunakan seperti Adawiyah dan Jibril. Rabia’ul Al-Adawiyah terkenal sebagai seorang yang zuhud yang telah menukilkan pelbagai syair cinta dan kehambaan kepada Allah, manakala Jibril ialah malaikat yang menyampaikan wahyu kepada Nabi Muhamad SAW. Nama-nama

ini berhubungan dengan dunia kerohanian dalam Islam. Tegasnya, kata Arab ini yang terhubung dengan jaringan rohaniannya diletakkan dalam puisi tertentu untuk menguatkan mesej rohaniah yang cuba disampaikan. Norjannah jelas senang berkarya dengan gaya bahasa konvensi berbanding dengan gaya bahasa pertentangan. Namun penggunaan gaya bahasa konvensi ini tidak sekuat berbanding gaya bahasa konvensi yang digunakan oleh Amir Hamzah seperti dalam puisinya yang bertajuk “Doa”:

Dengan apakah kubandingkan pertemuan kita, kekasihku?
Dengan senja samar sepoi, pada masa purnama meningkat naik,
setelah menghalaukan panas yang terik.
Angin malam menghembus lemah, menyejuk badan, melambang
rasa menayang fikir, membawa angan ke bawah kerusimu.

(Amir Hamzah, 1991, p. 9)

Lirik puisi “Doa” memaparkan tema dan persoalan yang berkaitan dengan fitrah, iaitu mengesakan Allah. Fitrah ini telah dibina berdasarkan gaya bahasa perbandingan, iaitu metafora. Gaya bahasa metafora ialah perbandingan secara langsung. Misalnya, pertemuan itu dibandingkan terus dengan senja samar sepoi, masa purnama meningkat naik, angin malam yang lemah dan sejuk. Perbandingan alamiah ini dengan fitrah yang dipaparkan merupakan satu estetika yang bersifat persamaan dan perbezaan. Persamaannya ialah penggunaan unsur alam, dan perbezaannya ialah perbandingan unsur alam ini diletakkan dalam dimensi kerohanian dan fitrah. Gaya bahasa perulangan epifora juga terdapat seperti “naik dan terik” yang memberikan irama yang menarik kepada puisi ini. Sungguhpun perbandingan itu agak tidak seimbang namun perbandingan ini dapat memperlihatkan dengan baik kedudukan estetika fitrah puisi Norjannah yang masih lemah dan mengganggu isi yang disampaikan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kritikan fitrah adalah satu kritikan sastera yang berlandaskan kepada fitrah. Kritikan fitrah ialah kritikan sastera berasaskan psikologi Islam yang memberikan perhatian pada aspek kejiwaan Muslim. Kajian terhadap puisi yang terdapat dalam *Kumpulan Puisi Yang Menyala* memperlihatkan penyairnya, Norjannah cuba menyalakan fitrah manusia seperti yang terdapat dalam al-Quran dan hadis. Melalui kritikan fitrah, tiga prinsip yang digunakan

menunjukkan bahawa pola fitrah yang dijejaki bukan sahaja tentang cinta Allah atau mengesakan Allah tetapi terdapat juga maksud fitrah yang lain. Namun begitu, cinta kepada Allah menjadi maksud fitrah yang dominan. Melalui prinsip sistem fitrah, jelas dalam usaha menuju kepada fitrah menyintai Allah terdapat halangan yang mengganggu perjalanan rohaniah itu. Nafsu amarah masih mengekang pencapaian nafsu *mutmainnah*. Pelbagai gaya bahasa telah digunakan oleh Norjannah untuk mengekspresikan ideanya tentang fitrah. Walau bagaimanapun, penyair ini masih kelihatan kelemahannya, iaitu penggunaan banyak kata yang dapat diasosiasikan dengan kerohanian Islam telah mengehadkan imaginasi dan apresiasi pembaca. Penggunaan kata-kata yang diasosiasikan diteruskan dengan pengalaman kerohanian ini menjadi bahasa yang digunakan agak kaku dan keras. Usaha Norjannah untuk membangkitkan daya bayang pembaca kurang berkesan.

RUJUKAN

- Abdul Mujib. (1999). *Fitrah dan kepribadian Islam. Sebuah pendekatan psikologis*. Jakarta: Pendekatan Psikologis.
- Abdul Mujid dan Jusuf Mudzakir. (2002, Cetakan Kedua). *Nuansa-nuansa psikologi Islam*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Al-Qur'an. Terjemahan dan Tafsir. (1998, Cetakan Ketiga). (terjemahan H.M. Bachrun). Jakarta: Darul Kutubil Islamiyah.
- Al-Qur'an dan Terjemahan. (2010). Cetakan ke-10. Bangi: Khazanah Rabbani.
- Amir Hamzah. (1991). *Nyanyi sunyi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Muhammad Haji Salleh. (1988). *Pengalaman puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norjannah MA. (2017). *Kumpulan puisi yang menyala*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Sururin. (2004). *Ilmu jiwa agama*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1993). *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Teeuw, A. (1992). *Membaca dan menilai sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Received: 11 January 2018

Accepted: 5 May 2018